

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian termasuklah melalui dasar-dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) bagi meningkatkan nilai mata wang Ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang bukanlah unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya pengukuhan dolar AS. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3% berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan

aliran dana yang dipengaruhi oleh faktor luaran.

2. Faktor-faktor tersebut termasuklah jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan kadar dasar Federal Reserve AS, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah dunia, dan kebimbangan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran kewangan di China. Selain itu, ketidaktentuan politik di UK, kawasan Euro dan AS, juga menjejaskan permintaan terhadap aset dalam pasaran sedang pesat membangun, yang telah memberi kesan negatif terhadap kebanyakan matawang negara-negara sedang pesat membangun dan serantau, termasuk ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam menangani penyusutan nilai ringgit dalam jangka masa pendek, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran matawang asing tidak terjejas agar kegiatan ekonomi berjalan dengan lancar. Pada masa yang sama, kedudukan rezab Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah USD95 bilion akan terus menjadi penampan kepada turun naik yang berlebihan dalam pasaran kewangan.

4. Pada hujung tahun 2016, BNM juga telah memperkukuh semula

peraturan sedia ada untuk menghalang penglibatan insitansi kewangan berlesen tempatan dalam aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF). Langkah ini bertujuan untuk membendung aktiviti spekulatif kontrak hadapan tanpa serahan (NDF) dalam pasaran luar persisir yang telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran pertukaran asing dalam negara. Pada masa yang sama, BNM akan terus menyediakan mudah tunai di pasaran tempatan bagi memastikan keadaan pasaran yang stabil dan teratur.

5. Walaupun negara kita merupakan pengeksport bersih dan mencatatkan lebih akaun semasa dalam imbangan pembayaran, sekiranya perolehan eksport dalam matawang asing tidak ditukar kepada ringgit, ia menyebabkan ketidakseimbangan di antara permintaan dan penawaran ringgit di dalam pasaran pertukaran asing. Bagi membendung masalah ini, Jawatankuasa Pasaran Kewangan, bersama-sama BNM, telah mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pasaran perlindungan nilai dan mengatasi ketidakseimbangan dalam pasaran pertukaran asing dalam negara. Ini termasuk mewajibkan penukaran hasil eksport dalam matawang asing ke ringgit. Aliran perolehan eksport matawang asing ke dalam pasaran kita akan meningkatkan mudah tunai mata wang asing dalam pasaran dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. BNM turut mempertingkatkan langkah pengawalan dan penguatkuasaan ke atas sebarang salahlaku dalam aktiviti pasaran kewangan. Sebagai contoh, BNM telah mengenakan penalti ke atas sebuah institusi kewangan kerana gagal melaporkan kepada BNM dengan segera mengenai hasil siasatan audit yang penting berkaitan salahlaku peniaga wangnya (*dealer*) yang terlibat dalam penetapan kadar pertukaran USD/MYR.

7. BNM akan terus memantau aktiviti pasaran dengan teliti bagi memastikan institusi kewangan tidak terlibat dalam kegiatan manipulasi pasaran matawang dan pertukaran asing. Selain itu, BNM juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas ke atas mana-mana pihak yang melanggar undang-undang yang boleh menjejaskan kestabilan pasaran matawang Malaysia.

8. Walaupun hanya dua bulan sejak pengumuman langkah-langkah ini, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan hasil yang menggalakkan. Perkara yang paling utama ialah turun naik nilai ringgit telah menunjukkan kestabilan yang ketara sejak langkah-

langkah ini mula dilaksanakan.

9. BNM, dari semasa ke semasa, akan memperkenalkan langkah-langkah liberalisasi baharu yang bertujuan untuk mengembangkan pasaran pertukaran wang asing, bon, dan wang dalam negara untuk memenuhi permintaan pasaran serta membolehkan perniagaan tempatan untuk mengurus dedahan kadar pertukaran di dalam negara.

10. Bagi tempoh yang lebih panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha Kerajaan untuk melaksanakan program transformasi ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan dapat memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Apabila nilai ringgit menyusut, sebahagian sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala sebahagian lagi akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat dari segi hasil eksport yang

lebih tinggi dalam nilai ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barangan buatan Malaysia. Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar.

12. Dalam menangani cabaran semasa, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran mata wang asing tidak terjejas bagi memastikan kegiatan ekonomi kekal mapan.